

**CARTA ALIR PROSEDUR PERMOHONAN KELULUSAN MEMBINA DAN LESEN OPERASI RUMAH PENYEMBELIHAN SWASTA**

**CARTA ALIR PROSEDUR PERMOHONAN  
KELULUSAN MEMBINA DAN LESEN OPERASI RUMAH  
PENYEMBELIHAN SWASTA**

Pemohon membuat permohonan secara dalam talian melalui sistem Informasi Hasilan Abatoir dan Ternakan (SIHAT) (<http://sihat.dvs.gov.my>) bagi permohonan membina atau lesen operasi rumah penyembelihan swasta dan membuat pembayaran fi permohonan sebanyak RM 100.00.


Dokumen sokongan sebanyak 10 salinan bersama cetakan salinan borang permohonan yang telah diisi secara online dan resit pembayaran fi permohonan dihantar ke BAHAGIAN PEMBANGUNAN INDUSTRI HILIRAN, IBU PEJABAT JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR, PUTRAJAYA dalam tempoh DUA (2) Minggu dari tarikh permohonan ke dalam sistem

Urusetia Jawatankuasa Teknikal Pelesenan Swasta Rumah Penyembelihan (JTPSRP) akan menyemak permohonan dalam sistem SIHAT dan dokumen sokongan yang diterima. Urusetia akan mengemaskini status permohonan dalam sistem dan status tersebut akan dimaklumkan kepada pemohon melalui emel.


Permohonan dan dokumen sokongan yang lengkap sahaja akan diproses oleh Urusetia JTPSRP untuk dihantar kepada \*agensi-agensi berkaitan bagi mendapatkan pengesongan. Agensi diberi tempoh 2 minggu untuk ulasan dari tarikh surat terima.

## CARTA ALIR PROSEDUR PERMOHONAN KELULUSAN MEMBINA DAN LESEN OPERASI RUMAH PENYEMBELIHAN SWASTA


Auditor akan dilantik untuk mengaudit tapak (permohonan membina) atau premis penyembelihan (permohonan lesen operasi). Auditor akan dimaklumkan secara rasmi melalui surat lantikan auditor bagi permohonan yang terlibat manakala log tugas auditor dan laporan adalah secara *online* melalui sistem SIHAT



Ulasan agensi dan laporan auditor yang diterima akan disemak oleh Urusetia JTPSRP dan status permohonan akan dikemaskini ke dalam sistem



Ulasan agensi dan laporan auditor yang telah lengkap akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pelesenan Swasta Rumah Penyembelihan untuk pengesyoran.



Auditor akan membentangkan hasil audit di Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pelesenan Swasta Rumah Penyembelihan bersama syor. Jawantankuasa akan menilai dan membuat keputusan berdasarkan ulasan agensi dan hasil audit sama ada disyorkan LULUS/GAGAL/TANGGUH bagi permohonan tersebut.



## CARTA ALIR PROSEDUR PERMOHONAN KELULUSAN MEMBINA DAN LESEN OPERASI RUMAH PENYEMBELIHAN SWASTA

### PROSES SETELAH MENDAPAT KEPUTUSAN JAWATANKUASA:

LULUS : Jawatankuasa akan mengangkat permohonan untuk PENGESYORAN KELULUSAN OLEH YB MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI, MALAYSIA

GAGAL : Pemohon akan dimaklumkan status permohonan adalah GAGAL (PERMOHONAN PEMOHON DALAM SISTEM SIHAT TAMAT)

TANGGUH : Urusetia mengambil tindakan berdasarkan keputusan Jawatankuasa sama ada perlu audit semula/penambahbaikan premis.  
(PEMOHON AKAN DIMAKLUMKAN STATUS DAN URUSETIA AKAN MEMBAWA SEMULA PERMOHONAN KE MESYUARAT JTPSRP YANG AKAN DATANG)



Permohonan yang LULUS diperingkat Jawatankuasa sahaja yang akan dibawa ke Menteri MOA.

### PROSES SETELAH MENDAPAT KEPUTUSAN MENTERI MOA :

LULUS : Pemohon akan dimaklumkan kelulusan membina / lesen operasi telah BERJAYA. Fi sebanyak RM 300.00 dikenakan bagi Lesen operasi.  
(NO KELULUSAN MEMBINA / LESEN AKAN DIDAFTARKAN KE DALAM SISTEM SIHAT)

GAGAL : Pemohon akan dimaklumkan kelulusan membina / lesen operasi GAGAL (PERMOHONAN PEMOHON DALAM SISTEM SIHAT TAMAT)

### NOTA :

- i. Agensi yang berkaitan\* adalah : Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Tanah, Jabatan Alam Sekitar (JAS), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Jabatan Bekalan Air Negeri ,Jabatan Pengairan dan Saliran, serta BOMBA.
- ii. Bagi permohonan untuk lesen rumah sembelih babi, pengesyoran dari Jabatan Agama Islam Negeri diperlukan.
- iii. Pemohon perlu mengemukakan permohonan untuk memperbaharui lesen bermula Jun hingga Oktober melalui Sistem SIHAT.
- iv. Kadar Fi lesen Rumah Sembelih Swasta adalah seperti berikut ;
  - a. Fi permohonan – RM100.00
  - b. Fi tahunan – RM300.00
  - c. Fi sekiranya lesen rosak atau hilang – RM100.00
  - d. Fi sekiranya lewat pembaharuan lesen – RM1000.00